

Fauzi, Yahaya Naib Canselor baharu UPM, UniSZA

KUALA LUMPUR 3 Jan. - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Fauzi Ramlan dilantik sebagai Naib Canselor baharu universiti itu berkuat kuasa kelmarin.

Beliau menggantikan Datuk Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi yang bersara awal akibat masalah kesihatan baru-baru ini selepas dua tahun menerajui UPM.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pelantikan Fauzi adalah untuk tempoh tiga tahun mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015.

Katanya, Fauzi yang memiliki ijazah doktor falsafah (PhD) Biologi dari University of York merupakan profesor dalam bidang pertanian di UPM sebelum dilantik menjadi Timbalan Naib Canselor (TNC).

"Beliau juga berkelulusan diploma Pertanian UPM, Sarjana Muda Sains (Agronomi) dari Iowa State University dan Sarjana Sains dari Louisiana State University," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Dr. Yahaya Ibrahim



FAUZI RAMLAN



YAHAYA IBRAHIM

dilantik sebagai Naib Canselor baharu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berkuat kuasa kelmarin.

Beliau menggantikan Prof. Datuk Dr. Alias Daud yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 31 Disember lalu.

Tambah Khaled, pelantikan beliau adalah untuk tempoh tiga tahun mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015.

"Beliau memiliki PhD dalam Pengajian Pembangunan Universiti Malaya (UM), Sarjana Seni (Sosiologi) UM dan Sarjana Muda dalam Perancangan Bandar dan Wilayah (Kepujian) dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM)," katanya.

"Beliau juga pernah berkhidmat sebagai profesor dalam bidang pembangunan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan dijemput sebagai profesor pelawat di Ritsumeikan University, Kyoto di Jepun," katanya.